

16 DEC 1998

Mahathir-Permodalan/I

PERMODALAN PASARAN MENINGKAT KEPADA RM180 BILION

HANOI, 16 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata permodalan pasaran Malaysia telah meningkat kepada RM180 bilion sejak pengenalan langkah-langkah matawang terpilih tiga bulan lepas.

Perdana Menteri berkata sejak itu, RM32 bilion telah kembali ke negara sekaligus menyediakan kecairan yang lebih banyak kepada bank-bank tempatan.

"Imbangan dagangan juga kini memihak kepada kita yang setakat ini berjumlah RM44 bilion," katanya pada jamuan malam bagi meraikannya oleh masyarakat Malaysia di sini bersempena kehadiran pada Sidang Kemuncak Asean keenam yang berakhir di sini hari ini.

Beliau berkata kebanyakan perolehan negara adalah daripada eksport.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata simpanan asing negara kini berjumlah AS\$24 bilion berbanding AS\$20 bilion tiga bulan lepas.

"Kita berharap untuk dapat mengekalkan imbangan dagangan kita agar kita boleh memperolehi simpanan yang lebih banyak," katanya.

Dr Mahathir berkata semua petanda menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia semakin pulih sejak kerajaan melaksanakan langkah-langkah kawalan modal dan matawang terpilih.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan sedang meneliti cara-cara untuk memujuk syarikat-syarikat asing daripada membawa keluar keuntungan mereka dari Malaysia selepas berakhirnya tempoh setahun pada September depan.

"Jika mereka membawa keluar wang itu, simpanan kita akan berkurangan... jadi kita berharap untuk mengadakan simpanan yang mencukupi bagi menyokong matawang kita," katanya.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Malaysia yang berhasrat untuk melabur di luar negara harus mendapatkan sumber mereka dari luar negara.

Beliau juga berkata bahawa mereka tidak harus mendapatkan sumber dana mereka daripada bank-bank Malaysia yang menjalankan operasi di seberang laut.

Beliau juga mengingatkan masyarakat perniagaan Malaysia supaya lebih prihatin ketika membuat pelaburan di negara lain dan bukan hanya menumpukan kepada meraih keuntungan bagi diri mereka semata-mata.

-- BERNAMA

ES MAM AKD